

Hampir RM500,000 untuk padam api



SAYANI (kiri) memakaikan pangkat kepada pegawainya pada Majlis Perbarisan Tahunan JBPM Kedah di BBP Bukit Kayu Hitam. FOTO Zuliaty Zulkiffli.

**Zuliaty Zulkiffli**

*am@hmetro.com.my*

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah membelanjakan lebih RM300,000 untuk kerja pepadaman api bagi tempoh 20 hari di tapak pelupusan sampah di Semeling, Sungai Petani.

Pengarahnya, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Sayani Saidon berkata, kos itu membabitkan operasi pepadaman pada hari keempat sehingga hari ini.

Katanya, kos penggunaan helikopter Unit Udara JBPM Bertam, Pulau Pinang dan Subang, Selangor sepanjang tiga hari untuk 11 jam penerbangan pula berjumlah RM165,000.

“Operasi pepadaman kebakaran di kawasan itu agak mencabar kerana mengambil masa yang lama berikutan banyak risiko perlu ditempuhi.

“Proses pepadaman itu seperti operasi memadam api di tanah gambut, cuma ia tiada tanah, sebaliknya dipenuhi timbunan sampah yang menyebabkannya polos dan terjerlus,” katanya.